

02 JAN 2000

RAIS YATIM MAHUKAN YUNUS RAHMAT SEBAGAI SETIAUSAHA POLITIK

KUALA KLAWANG, 2 Jan (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim berkata beliau telah mencalonkan Ketua Umno Bahagian Jelebu Yunus Rahmat sebagai setiausaha politiknya.

Katanya cadangan itu telah disampaikan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua minggu lepas untuk persetujuannya.

"Saya yakin pelantikan Yunus akan memperkuatkan lagi Umno Bahagian Jelebu dan negeri serta Barisan Nasional berdasarkan rekod perkhidmatan beliau yang sebelum ini adalah anggota Parlimen Jelebu," katanya kepada pemberita di sini.

Sebelum itu beliau menyampaikan pinjaman Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (Tekun) berjumlah RM112,000 kepada 103 orang peniaga kecil kawasan Parlimen Jelebu, di sini. Yunus turut hadir.

Pada pilihan raya lepas, Rais memenangi kerusi Jelebu yang diwakili oleh Yunus sebelum itu.

Berhubung laporan akhbar hari ini yang menyatakan kesediaan beliau bertanding jawatan Naib Presiden Umno pada pemilihan parti akan datang, Rais berkata laporan itu kurang tepat.

"Apa sebenarnya yang saya nyatakan ialah dalam suasana sekarang kemungkinan saya akan menimbangkan pencalonan itu jika sekiranya bahagian-bahagian ada membuat pencalonan yang cukup," katanya.

-- BERNAMA

rp mai